

18/09/2001

Degem rancang empat lagi cawangan PYT

DEGEM Bhd (Degem) yang memiliki empat anak syarikat yang mengendalikan kedai barang kemas termasuk PYT Jewel & Time Sdn Bhd (PYT) merancang membuka empat lagi cawangan dalam tempoh dua tahun ini bagi meluaskan operasinya.

Selain PYT yang memiliki tiga cawangan, Degem turut mengendalikan PYT Jewellers (Ampang) Sdn Bhd (dua cawangan), PYT Jewellers Sdn Bhd dan Diamonds & Platinum Sdn Bhd (lima cawangan).

Cawangan terbarunya ialah Diamond & Platinum Sdn Bhd yang dibuka di Pusat Membeli Belah The Mall. Satu lagi cawangan kedai barang kemas Degem akan dibuka sebelum hujung tahun ini.

Pengarah Eksekutif Degem, Choong Kai Fatt, berkata ketika ini syarikat sedang meneliti lokasi yang memiliki potensi kerana mereka perlu berhati-hati apabila membuka cawangan baru.

"Pembukaan lokasi baru bukan mudah dan biasanya membabitkan kos yang tinggi, jadi kami perlu meneliti pelbagai faktor," katanya selepas majlis cabutan undi saham Degem di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir ialah Pengerusi Degem, Hasan M Taib; Pengarah MIDFCCS Sdn Bhd, Mahathir Mohd Ismail dan Pengarah Affin Merchant Bank Bhd, Tan Sri Arshad Ayub.

Degem yang akan akan disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan lebih langganan keseluruhan 3.92 kali apabila menerima 9,944 permohonan untuk 20.677 juta saham yang ditawarkannya.

Bagi kategori Bumiputera, syarikat itu mencatatkan lebih langganan 4.34 kali apabila menerima 4,142 permohonan untuk 6.728 juta saham yang ditawarkan.

Sempena pengapungannya, Degem menawarkan tujuh juta saham biasa baru bernilai RM1 pada harga tawaran RM1.60.

Syarikat itu dijangka menerima modal sebanyak RM11 juta menerusi proses penyenaraian berkenaan.

(END)